

PERANAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KELAS PERTAMA

Mohd Faeez Ilias
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Ilias, M.F. & Jasmi, K. A. (2011). Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama in *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial* at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) on 20 - 21 April 2011 .

Abstrak

Pembangunan modal insan yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi merupakan pemangkin kepada masyarakat yang berlatarbelakangkan pendidikan. Apa yang digariskan oleh beliau dalam pembangunan modal insan meliputi aspek sistem pendidikan agar ia berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran. Dewasa kini, pendidikan menjadi satu keperluan bukan sahaja kepada golongan elit malah kepada setiap golongan dalam sesebuah komuniti mahupun masyarakat. Dengan keadaan dunia yang menuju kearah era globalisasi dan keterbukaan, bukan satu alasan bahawa pendidikan tidak sampai kepada sesebuah golongan, komuniti mahupun masyarakat. Di dalam Islam telah digariskan bahawa pembangunan modal insan adalah berlandaskan akidah, syariah dan akhlak. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat sejauhmana peranan pendidikan Islam dalam melahirkan modal insan kelas pertama dan elemen-elemen *Islamik* yang menjadi asas dalam pembangunan modal insan. Persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini ialah (i) apakah peranan pendidikan Islam dalam melahirkan modal insan kelas pertama?. (ii) apakah elemen-elemen *Islamik* yang menjadi asas dalam pembangunan modal insan?. Kajian ini merupakan kajian interpretasi ke atas bahan-bahan yang berkaitan dengan pembangunan modal insan khususnya dari aspek yang menyentuh hal-hal pendidikan dalam usaha melahirkan masyarakat yang berkebolehan. Hasil kajian mendapati bahawa pendidikan Islam telah memainkan peranannya dalam proses pembangunan modal insan kelas pertama bersesuaian dengan keadaan zaman yang sentiasa berubah.

PERANAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KELAS PERTAMA¹

Mohd Faeez Bin Ilias
Fakulti Tamadun Islam
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 Johor Bahru, Malaysia.
mohdfaeezilias@gmail.com

Dr. Kamarul Azmi Bin Jasmi
Pensyarah
Fakulti Tamadun Islam
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 Johor Bahru, Malaysia.
qamar@utm.my

Abstrak

Pembangunan modal insan yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi merupakan pemangkin kepada masyarakat yang berlatarbelakangkan pendidikan. Apa yang digariskan oleh beliau dalam pembangunan modal insan meliputi aspek sistem pendidikan agar ia berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran. Dewasa kini, pendidikan menjadi satu keperluan bukan sahaja kepada golongan elit malah kepada setiap golongan dalam sesebuah komuniti mahupun masyarakat. Dengan keadaan dunia yang menuju kearah era globalisasi dan keterbukaan, bukan satu alasan bahawa pendidikan tidak sampai kepada sesebuah golongan, komuniti mahupun masyarakat. Di dalam Islam telah digariskan bahawa pembangunan modal insan adalah berlandaskan akidah, syariah dan akhlak. Oleh yang demikian, kajian ini ingin melihat sejauhmana peranan pendidikan Islam dalam melahirkan modal insan kelas pertama dan elemen-elemen *Islamik* yang menjadi asas dalam pembangunan modal insan. Persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini ialah (i) apakah peranan pendidikan Islam dalam melahirkan modal insan kelas pertama?. (ii) apakah elemen-elemen *Islamik* yang menjadi asas dalam pembangunan modal insan?. Kajian ini merupakan kajian interpretasi ke atas bahan-bahan yang berkaitan dengan pembangunan modal insan khususnya dari aspek yang menyentuh hal-hal pendidikan dalam usaha melahirkan masyarakat yang berkebolehan. Hasil kajian mendapati bahawa pendidikan Islam telah memainkan peranannya dalam proses pembangunan modal insan kelas pertama bersesuaian dengan keadaan zaman yang sentiasa berubah.

Kata kunci : pembangunan modal insan, pendidikan Islam

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Sains Sosial pada 20 dan 21 April 2011 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). (Anjuran Fakulti Sains Sosial, UNIMAS)

Pengenalan

Istilah ‘pembangunan’ sering diguna pakai untuk menunjukkan suatu peningkatan atau pertumbuhan daripada tahap sederhana kepada yang lebih baik. Secara istilahnya, maksud ‘pembangunan’ merupakan :

“...apabila berlakunya pertumbuhan dan perubahan terhadap sesuatu atau seseorang ke arah yang lebih maju.”

(Cambridge Advanced Learner's Dictionary, 2003)

Pembangunan mempunyai erti yang luas dan merangkumi berbagai-bagai aspek dalam kehidupan manusia. Tetapi kebiasaan penggunaan istilah pembangunan adalah lebih kepada pembangunan fizikal dan material. Ini kerana kesannya lebih jelas dilihat berbanding pembangunan-pembangunan selain daripada itu. Tetapi jika pembangunan fizikal dan material tidak dikawal dengan teratur boleh menyebabkan keburukan atau *mafsadah* menguasai diri.

Pembangunan modal insan pula merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti atau masyarakat sesuatu bangsa dari segenap aspek. Di Malaysia khususnya, istilah ‘pembangunan modal insan’ adalah revolusi idea mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi. Ini merupakan strategi jangka panjang beliau dalam memastikan generasi di Malaysia sebagai aset penting dan bernilai. Tindakan ini dianggap satu strategi awal beliau dalam menjana pembangunan modal insan kelas pertama. Maka dalam proses menuju kepada peringkat pembangunan kelas pertama, pengetahuan ilmu merupakan latarbelakang utama yang perlu dikuasai. Pentingnya masyarakat yang berpendidikan pada hari ini selaras dengan pernyataan di dalam Falsafah Pendidikan Negara yang menuntut agar usaha yang berterusan bertujuan meningkatkan potensi individu. Adalah menjadi keutamaan terhadap usaha yang boleh memberi kesan kepada perkembangan potensi individu seterusnya melahirkan insan yang cemerlang.

Maka usaha ini memerlukan kepada bimbingan yang secukupnya agar potensi sedia ada masyarakat mampu digilap dalam proses menjana minda kelas pertama. Proses ini memerlukan acuan yang terbaik dalam usaha pembentukan dan perubahan. Dan dilihat pada suasana hari ini, pendidikan Islam mampu membimbing masyarakat mencapai tahap tersebut. Abdul Halim El-Muhammady (1993, dalam Mohd Yusuf Ahmad,2002) menyatakan :

Pendidikan Islam adalah suatu proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, Al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf Al-Salih serta ilmuhan muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT ke atas manusia supaya mengimarahkan alam ini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.

Keperluan Menguasai Ilmu

أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَلَقَ ﴿١﴾ أَقْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ

الَّذِي عَلِمَ بِالْقَمَرِ ﴿٢﴾ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Maksudnya : (1) Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk); (2) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; (3) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; (4) Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan; (5) Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya.

Menurut penafsiran HAMKA dalam tafsir karangannya, ayat pertama surah ini telah menunjukkan kepentingan perkembangan agama dalam kehidupan manusia. Ini kerana Rasulullah saw sememangnya tidak tahu membaca dan menulis sejak baginda dilahirkan. Maka dengan kehendak Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril menyebabkan Rasulullah saw pandai membaca dan menulis.

Gambaran penafsiran HAMKA menunjukkan bahawa satu transformasi positif telah berlaku pada diri Rasulullah saw kepada yang terbaik. Transformasi berlaku bertitik tolak daripada pengetahuan baru yang diajarkan kepada baginda. Atas dasar transformasi kepada yang terbaik itu menyebabkan Allah SWT mengurniakan ilmu pengetahuan kepada manusia dan mengajarkan apa yang tidak diketahuinya. Manusia juga ditinggikan martabat dan dihormati kerana ketinggian ilmu pengetahuannya.

Kini manusia sedang berada di dalam zaman perkembangan ilmu pengetahuan, di mana manusia sedang membicarakan dari segenap aspek berkenaan kepentingan ilmu pengetahuan. Apa yang berlaku, manusia sedang berlumba-lumba menempatkan dirinya dalam kelompok persekitaran yang berilmu. Mereka dapat merasakan bahawa, ilmu pengetahuan walau sedikit yang diamalkan mampu membimbing mereka ke arah yang terbaik dalam kehidupan.

Gambaran Pembangunan Modal Insan

Sepanjang perjalanan strategi dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9), Perdana Menteri ketika itu seringkali menekankan penghasilan produk minda kreatif daripada seluruh masyarakat di Malaysia. Penekanan ini sebagai pemangkin utama menjadikan masyarakat kreatif dan inovatif melalui konsep pembangunan modal insan yang kerap kali diulang dalam setiap ucapan beliau. Antara penekanan konsep tersebut ketika Sidang Kemuncak Pendidikan 2004, Pembentangan Bajet 2006, dan yang utama ialah ketika ucapan Pembentangan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9) serta Dokumen Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK9). Kemudian disusuli

penekanan pada Pembentangan Bajet 2007 dan 2008. Ini menggambarkan bahawa Datuk Seri Abdullah Bin Ahmad Badawi (Perdana Menteri ketika itu) sebagai pencetus idea konsep tersebut benar-benar ingin merealisasikan hasratnya sebagai penggerak ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuntutan ini pernah diungkapkan oleh beliau tentang betapa pentingnya modal insan itu harus dibangunkan. Antara ucapan tersebut ialah :

“Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan... kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen”

*YAB Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi
(Perutusan Hari Pekerja, 1 Mei 2006)*

Gambaran ucapan beliau itu merupakan realiti yang terdapat pada warga Malaysia berdasarkan latarbelakang rakyatnya yang pelbagai. Melalui suntikan semangat dan memotivasi pendirian rakyat, tidak mustahil akan berlakunya peningkatan produktiviti Malaysia khususnya di mata dunia. Hal ini bukan hanya disedari di Malaysia bahkan diseluruh negara-negara kuasa besar yang mementingkan peningkatan produk daripada masyarakatnya.

Hakikatnya, modal insan adalah merupakan suatu cara bagaimana seseorang itu menentukan kebolehan dan keupayaan yang ada padanya. Ia juga merupakan suatu usaha dalam menghimpunkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang dimiliki oleh seseorang individu yang boleh digunakan untuk menggerak kerja yang berfaedah. Sekaligus mengaplikasikan dalam kehidupan demi mencapai tujuan kehidupan yang lebih bermakna. Maka menjadi kewajipan kepada pemimpin-pemimpin menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka memastikan rakyatnya mampu memberi sumbangsan kepada diri dan negara. Dalam Islam sendiri telah banyak penjelasan berkenaan dengan tanggungjawab seseorang pemerintah terhadap tugas dan amanah rakyat kepadanya. Allah S.W.T berfirman :

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن حَكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٤﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.

Surah Al-Nisa' : 58

Ibn Khaldun dalam kitabnya “Al-Muqaddimah” telah menyatakan :

“...menjadi khalifah (dalam sistem yang idealnya) pada hakikatnya bermaksud bertindak sebagai pengganti pembawa syariat (Nabi Muhammad s.a.w) untuk tujuan menyebarkan syiar Islam dan menerajui kepimpinan siyarah di dunia ini. Pembawa syariat dibebankan dengan tugas menjalankan kedua-duanya, tugas menyebarkan syiar Islam mengikut kemampuannya sebagai orang yang diperintahkan untuk menjalankan kewajipannya menyampaikan kewajipan syariat kepada manusia, serta menyebabkan mereka mematuhi tugas-tugasnya menjalankan kepimpinan siyarah mengikut keupayaannya sebagai orang yang dipertanggungjawabkan mengurus hal ehwal peradaban manusia”.

Ayat al-Quran dan pernyataan Ibn Khaldun di atas menjelaskan tentang tanggungjawab seorang pemimpin dalam membimbing rakyatnya ke jalan yang terbaik untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Mematuhi segala perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT serta peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah adalah menjadi kewajipan sebagai syarat mencapai kejayaan. Maka semua pihak sama ada individu maupun pemerintah mestilah memahami pembangunan yang dituntut dalam Islam. Antaranya yang dinyatakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2007) :

1. *Tasawwur Islam sebagai pembimbing* : dengan menjadikan gambaran Islam yang hakiki dengan menjelaskan keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara benar dan lengkap sehingga sebatی dalam diri orang yang memahaminya.
2. *Manusia sebagai pelaku pembangunan* : tidak menjadikan pembangunan sebagai suatu kewajipan sehingga mendatangkan keburukan pada diri, sebagai pelaku mestilah mempunyai batas dan had yang memadai dengan keperluan diri dan masyarakat.
3. *Alam roh, dunia dan akhirat sebagai skala waktu pembangunan* : usaha manusia di dunia dalam mengejar dan mencapai pembangunan hanyalah semata-mata untuk kebaikan di dunia dan di akhirat. Maka ketika itulah penilaian dan pengukuran pembangunan manusia dikesan melalui penghasilannya.
4. *Ilmu Fardhu ‘Ain sebagai kerangka pembangunan* : merupakan tanggungjawab individu yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ; ilmu tauhid, ilmu fiqh, dan ilmu tasawwuf. Ia juga dilihat sebagai kerangka asas kepada manusia dalam melaksanakan tanggunjawab kepada Allah SWT.
5. *Ibadah Sebagai Kaedah Pembangunan* : setiap umat Islam telah membuat perjanjian dengan Penciptanya iaitu “Kalimah Syahadah” sekaligus mengaku sebagai hambaNya disertakan dengan perbuatan yang dikira sebagai ibadah. Dibahagikan kepada tiga iaitu ibadah asas, amalan-amalan utama, dan ibadah umum.
6. *Sumber Alam Sebagai Peralatan Pembangunan* : ia digunakan sebagai alat dalam proses berinteraksi dengan sumber alam dan menukarkan sumber alam kepada barang

pengguna. Sumber alam ini dicipta oleh Allah SWT untuk kegunaan manusia. Hal ini melibatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

7. *Keredhaan Allah SWT Sebagai Matlamat Akhir Pembangunan* : keredhaan Allah SWT sebagai kunci kejayaan di dunia dan akhirat. Kaedahnya mestilah ikhlas dalam setiap amalan, mematuhi segala perintah dengan bersungguh-sungguh, sifat *mazmuah* dikikis sehabis mungkin daripada dirinya.

Setelah segala persiapan memulakan pembangunan terhadap Allah SWT mahupun sesama manusia diselesaikan, maka perjalanan menuju yang terbaik bukanlah suatu penghalang dalam diri setiap individu. Menjadi kepentingan bahawa setiap pembangunan mahupun perubahan adalah terletak pada individu itu sendiri. Keadaan persekitaran hanyalah sebagai pendorong ke arah kemajuan mahupun kemunduran.


إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ...
الرَّحْمَن

Maksudnya : Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri...


Pelaksanaan Ke Arah Modal Insan Kelas Pertama

Kejayaan dalam merealisasikan rangka kerja Wawasan 2020 merupakan satu potensi yang amat dinanti-nanti oleh masyarakat Malaysia khususnya Tun Dr. Mahathir Mohamad. Malaysia telah pun berada di pertengahan perjalanan dalam menyempurnakan misi pelan tindakan rangka kerja dalam pembangunan yang mencakupi segala aspek. Berbagai tindakan dan strategi yang telah dirancang merupakan satu usaha rakyat dan kerajaan dalam menuju transformasi tersebut. Ini merupakan gambaran bahawa kefahaman tentang keseluruhan diri manusia yang membawa kepada satu konsep bagaimana diri manusia itu perlu dibangunkan. Segala strategi yang dilakukan hakikatnya melibatkan aspek-aspek pembangunan dalam diri manusia iaitu fizikal, pemikiran, kemahuan, perasaan dan kerohanian. Abd Rahman Ahmad (2006) membuat gambaran aspek pembangunan manusia melalui model tersebut :

Rajah 1 Keseluruhan Aspek Pembangunan Modal Insan



Rajah 2 Asas Pembentukan Sesebuah Masyarakat Yang Baik (Selamat Hashim [dalam Khairul Azmi et al. t.th.])



Rajah 1 dan 2 di atas adalah rangka model pembangunan yang lengkap berkonsepkan kerohanian dalam memenuhi tuntutan pembangunan yang kian meluas. Hakikatnya pembangunan modal insan adalah bermula hasil kejayaan pembentukan masyarakat sesebuah negara. Masyarakat yang dibentuk menurut acuan yang diterima dari aspek mencakupi keupayaan dianggap sebagai suatu kejayaan dalam mencapai keseluruhan pembangunan modal insan. Acuan ini amat penting dalam memastikan pembangunan dan pembentukan masyarakat Islam khususnya di Malaysia dibatasi oleh garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Memandangkan di era globalisasi yang kian mencabar kewibawaan umat Islam dengan gangguan pelbagai anasir dari setiap sudut menjadikan kegusaran dan kebimbangan yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, garis panduan berteraskan pembangunan dalam Islam adalah pengubat segala keresahan kerana janji Allah SWT

akan membantu hambaNya yang berusaha memberi bantuan dalam memperjuangkan agama Allah SWT. Di dalam proses pembangunan manusia, telah dinyatakan lima elemen yang perlu ditekankan semasa berlakunya pembangunan. Antara kelima-lima elemen tersebut, elemen pembangunan kerohanian menjadi peneraju ke atas elemen-elemen yang lain. Ini kerana elemen pembangunan fizikal, kemahuan, pemikiran dan perasaan jika tidak diterapkan dengan pembangunan kerohanian ditakuti akan tersasar jauh daripada konsep pembangunan berteraskan Islam yang sebenar.

Elemen pembangunan pemikiran merupakan tonggak dalam menentukan hala tuju transformasi yang dilakukan. Pemikiran merupakan anugerah yang amat berharga kurniaan Allah SWT kepada hambaNya sebagai batas pembezaan manusia dan makhluk lain. Penggunaan pemikiran dengan semaksima mungkin merupakan galakan khususnya bagi umat Islam agar berterusan tidak dijahat pemikiran mereka oleh keganasan barat. Pemikiran haruslah meliputi hal-hal berkaitan keseluruhan pengetahuan agar sifat kejumudan itu tidak bersarang dalam minda umat Islam. Di dalam al-Quran sendiri termaktub sebanyak 18 kali perkataan berfikir dalam bentuk perkataan perbuatan. Hal ini merupakan galakan oleh Allah SWT kepada hambaNya supaya melaksanakan transformasi dan perubahan terutama di dalam diri setiap individu supaya dapat mempengaruhi masyarakat. Oleh yang demikian, umat Islam dituntut agar menggunakan pemikiran mereka dengan bijak dan teratur dalam setiap aktiviti kehidupan mereka. Alangkah ruginya apabila anugerah tertinggi yang diberikan oleh Allah SWT tidak dimanfaatkan, ini melambangkan manusia tidak bersyukur atas pemberian oleh penciptanya. Sekurang-kurangnya pemikiran digunakan untuk hal-hal agama selain hal-hal kehidupan seharian. Sesungguhnya umat yang terbaik adalah menggunakan sebaik-baik pemikiran dalam menjana wawasan yang cemerlang.


Manakala elemen pembangunan kemahuan, fizikal, dan perasaan perlu juga dilakukan tetapi mestilah mempunyai had dan batasannya. Pembangunan ketiga-tiga elemen ini sebenarnya memerlukan pemantauan daripada elemen pembangunan kerohanian dan pemanduan daripada elemen pembangunan pemikiran. Pelaksanaan tindakan ini paling tidak menghasilkan acuan yang dianggap terbaik bagi kehidupan umat Islam. Oleh yang demikian, Selamat Hashim (t.th.) menjelaskan bahawa haruslah kembali kepada asas pembentukan sesebuah masyarakat yang baik jika ingin melihat kepada pembangunan yang berterusan. Iaitu dengan kembalinya kepada pemulihan dan pemeliharaan keimanan serta peneguhan dalam memahami akidah. Cara berfikir serta tindakan yang berlandaskan akidah Islam mampu memberi impak dalam perubahan yang diharapkan. Gambaran realiti yang berlaku di Malaysia, terdapat usaha-usaha yang dilakukan sebagai pendekatan kepada usaha pembangunan peribadi umat Islam. Antaranya program-program pendidikan secara terbuka seperti wacana ilmu, diskusi, dialog, forum, dan sebagainya serta program pendidikan secara formal seperti kuliah-kuliah di institusi-institusi pendidikan awam mahupun swasta. Pendidikan secara tidak formal juga kerap berlaku masa kini seperti ceramah dan kuliah di masjid dan surau, usrah dan perbincangan anjuran organisasi-organisasi badan kerajaan mahupun NGO.

Inisiatif ini dianggap usaha yang terbaik dalam menerapkan amalan kehidupan umat Islam yang sentiasa mahukan pembangunan dan perubahan kepada yang terbaik. Maka pendidikan

merupakan jalan yang terbaik di dalam memastikan kehidupan umat Islam terpandu dan ada hala tujunya. Penerapan amalan pendidikan dalam kehidupan kini semakin meluas dan disedari masyarakat memandangkan cabaran dan daya saing untuk meneruskan kehidupan begitu tinggi. Ia memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan sesetengah masyarakat Islam khususnya di Malaysia kerana telah menjadi kebiasaan mereka menempatkan diri berada di zon selesa tanpa cabaran dalam kehidupan. Hal ini semakin merisaukan pemerintah kerana penghasilan modal insan akan terganggu akibat kurangnya peningkatan daya saing dan transformasi yang dilakukan. Secara tidak langsung usaha kerajaan yang pelbagai merupakan satu tindakan dalam memberi galakan agar umat Islam keluar daripada tabiat suka berada di zon selesa.

Galakan kerajaan dengan memberikan insentif kepada mereka yang mencapai kejayaan dianggap suatu kejayaan dalam mengorak langkah membangunkan modal insan. Pelbagai ganjaran diperolehi bagi mereka yang mencapai kejayaan sebagai tanda penghargaan atas kerahan usaha mereka. Namun, sejauh mana kemampuan kerajaan dalam menyediakan ganjaran untuk setiap rakyatnya yang mampu melakukan perubahan yang dituntut. Keadaan ini berbalik kepada setiap individu muslim itu sendiri. Setiap perubahan dan pembangunan yang berlaku itu mestilah ikhlas semata-mata kerana Alah SWT dan yakin bahawa setiap usaha baik yang dilakukan dengan niat yang ikhlas akan diganti oleh Allah SWT setimpal dengan pengorbanan yang dilakukan.


Cabaran-Cabaran Ke Arah Transformasi



Rajah 3 Cabaran Ke Arah Transformasi

Rajah 3 merupakan model cabaran ke arah transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui MAMPU. Lima aspek penting telah dititikberatkan yang dianggap sebagai penghalang dalam mencapai perubahan dan pembangunan ke arah modal insan kelas pertama. Kesemua aspek tersebut secara keseluruhannya meliputi peranan individu, masyarakat, dan pemimpin atau negara. Daripada individu, kajian telah menyatakan bahawa terdapatnya penghalang dalam

pembangunan modal insan kelas pertama disebabkan terdapatnya birokrasi dalam sistem pelaksanaan tugas, prosedur kerja yang tidak memuaskan, dan ketelusan. Di dalam masyarakat pula dibimbangi wujudnya tembok pemikiran jumud dan beku dalam mencipta kreativiti dan inovasi. Manakala pemimpin pula masih kurang menonjolkan tahap profesional yang tinggi dalam meneraju sesebuah organisasi. Akibatnya pelaksanaan ke arah pembangunan modal insan kelas pertama dilihat masih jauh sehingga ketiga-tiga entiti ini melakukan perubahan dalam cara bekerja mereka.



Rajah 4 Komponen Transformasi Organisasi

Pentingnya dalam berorganisasi menjadikan individu atau masyarakat saling meningkatkan kualiti hidup ke arah yang terbaik. Usaha melalui organisasi merupakan satu kekuatan menuju perubahan yang dilihat jitu dan terbaik. Asasnya ia bergantung kepada kehebatan pemimpin dalam meneraju organisasi. Jati diti pemimpin yang “berakh�ak” dan “beriman” sahaja yang mampu meneraju dan mengharungi cabaran dalam pengurusan perubahan. Kemudian barulah diikuti oleh sistem-sistem sokongan yang dilaksanakan oleh masyarakat mahupun rakyat. Seperti pada **Rajah 4** di atas, kepimpinan itu dilingkungi oleh nilai sebagai ukuran kemampuan dan kebolehan dalam meneraju perubahan. Nilai ini diertikan sebagai “akh�ak” yang merangkumi keseluruhan perlakuan dan peribadi yang dapat dijadikan contoh kepada rakyatnya. Seterusnya barulah dilihat kepada pelaku perubahan dari sudut pengetahuan, kepakaran dan kebolehan dalam membentuk sikap yang sentiasa mahukan berada pada tahap terbaik. Tujuan perubahan pula mestilah merujuk kepada perangcangan strategi yang betul berkonsepkan niat ‘ikhlas’ kepada Allah SWT semata-mata. Pelaksanaan perubahan dilakukan melalui kemudahan-kemudahan yang sedia ada serta kecanggihan yang dimiliki negara pada ketika ini selagi caranya tidak bertentangan dengan kehendak syariat.

Hakikat Islam yang sebenar bukanlah suatu agama semata-mata malah ia merupakan tunjuk ajar dan cara hidup seseorang insan yang telah memeterai perjanjian dengan Tuhan-Nya. Dalam Islam itu sendiri diajar dan dididik bagaimana menempuh kehidupan yang penuh liku dan mencabar. Secara tidak langsung dilihat terdapat matlamat dan tujuan pendidikan dalam Islam itu diajarkan kepada insan yang menganutinya. hal ini bertepatan dengan falsafah Pendidikan Islam iaitu :

“Falsafah Pendidikan Islam ialah suatu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, membentuk kemahiran dan memupuk penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan As Sunnah sepanjang hayat. Ia bermatlamat melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian mulia, berkemahiran dan bersikap positif untuk mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”

Falsafah Pendidikan Islam

Di dalam Falsafah Pendidikan Negara turut menyentuh perkembangan dalam diri individu secara menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang kemudiannya dikembangkan perluasannya pada Falsafah Pendidikan Islam. Empat aspek yang menjadi tunjang dalam perkembangan dan pembangunan diri individu mestilah dipelihara dengan sebaiknya melalui kaedah yang terbaik. Jalan yang terbaik dalam memelihara aspek tersebut adalah melalui pendidikan. Dengan melalui pendidikan, individu ataupun masyarakat yang berilmu akan ditinggikan darjatnya sama ada di dunia maupun di akhirat. Kelebihan orang berilmu pengetahuan ini telah dinyatakan oleh Saidina Ali antaranya :

1. *Merupakan Pewaris Nabi* : Rasulullah saw bersabda (riwayat Abu Daud & Tirmidzi) bahawa “orang-orang yang berilmu adalah pewaris para nabi”.
2. *Pengawal Yang Setia* : Saidina Ali berkata “harta yang dimiliki itu menyebabkan pemiliknya sentiasa menjaga hartanya, berbanding dengan ilmu yang dimiliki menjadikan pemiliknya sentiasa dijaga dan diawasi oleh ilmunya”.
3. *Ramai Kawan* : Saidina Ali berkata “Para hartawan menghimpun banyak musuh disebabkan hartanya, manakala para ilmuan menghimpun ramai kenalan disebabkan ilmunya”.
4. *Dimuliakan Orang* : Rasulullah saw bersabda (riwayat Abu Naim daripada Anas ra) bahawa “ilmu pengetahuan itu menambahkan mulia dan meninggikan taraf seorang hamba kepada rajanya”.
5. *Ilmu Tidak Boleh Dicuri* : Rasulullah saw bersabda “Allah SWT tidak akan mencabut ilmu yang dianugerahkan kepada hambaNya, sebaliknya ilmu itu akan pergi dengan cara kematian orang-orang yang berilmu itu” .
6. *Tidak Pernah Habis* : apabila diajukan soalan kepada cerdik pandai, “Apakah barang yang boleh disimpan lama? Lalu mereka menjawab, “ Iaitu barang-barang apabila kapal kamu tenggelam ia berenang bersama-sama kamu, iaitu ilmu yang dimiliki”.
7. *Menyinari Jiwa* : sebagaimana nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya, “wahai anakku, duduklah bersama-sama orang yang berilmu (ulama’). Sesungguhnya Allah SWT

akan menghidupkan hati dengan nur hikmah seperti menghidupkan bumi dengan hujan dari langit”.

8. **Taat Kepada Allah SWT** : surah al-Fathir ayat 28, “sesungguhnya yang takut kepada Allah SWT dikalangan hamba-hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu”.

Demikian gambaran kelebihan orang yang berilmu menurut pendapat Saidina Ali. Justeru, matlamat dalam pendidikan Islam telah digariskan dengan mengemukakan beberapa tujuan, visi serta misi demi mencapai matlamat yang dicitakan. Antara matlamat yang digariskan dalam pendidikan Islam ialah :

“Matlamat utama Falsafah Pendidikan Islam ialah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah ke arah menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa.”

Falsafah Pendidikan Islam

Penerangan Falsafah Pendidikan Islam ini secara teorinya adalah berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Ini kerana pendidikan Islam bukan sahaja membincangkan perkara kecil, yang remeh-temeh malah ia juga membicarakan hal-hal pentadbiran, pengurusan, dan kepimpinan. Secara tidak langsung, ia menerapkan suasana pendidikan dalam setiap diri individu agar mereka terbiasa dengan keadaan demikian. Dari sudut yang lain, pendidikan dianggap sebagai salah satu aspek yang sangat penting dalam membangunkan akal dan intelek masyarakat. Ditambah pula proses pendidikan yang mengandungi unsur penting dan saling berkait antara satu sama lain berteraskan akidah, syariah, dan akhlak. Kesannya adalah lebih baik ke atas matlamat dan tujuan sebenar pendidikan Islam iaitu mahukan perubahan tingkah laku ke arah yang lebih baik disamping menghasilkan produk bagi masyarakat yang mempuai perasaan dan mengamalkan nilai yang baik sesuai dengan budaya hidup masyarakatnya. Budaya hari ini dilihat kian menyimpang dengan kehidupan masyarakatnya. Muda-mudi moden sudah hilang jati diri keIslamannya, namun hal ini tidak boleh disalahkan terus-menerus kepada mereka. Ini adalah impak kesilapan dalam sistem pendidikan yang diamalkan setelah sekian lama. Maka tindakan segera perlu diambil untuk berubah kepada sistem yang lebih baik sesuai dengan semua peringkat masyarakat.

Kesimpulan

Pendidikan Islam merupakan suatu kepentingan pada hari ini akibat desakan globalisasi dan cabaran keruntuhan moral. Acuan pendidikan Islam yang dibentuk sebagai penyelesaian masalah merupakan kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam perlumbagaan al-Quran dan as-Sunnah. Rujukan utama umat Islam ini merupakan yang terbaik kerana bersesuaian dengan keadaan silam dan masa kini. Maka tidak mustahil bahawa pendidikan Islam tidak dijadikan landasan kebenaran di dalam proses di mana berlakunya pembangunan individu dan masyarakat. Proses pembangunan ke arah modal insan kelas pertama yang berpegang teguh kepada pendidikan Islam dapat menjamin kejayaan di masa hadapan. Sebagaimana zaman kegemilangan Islam di dalam

bidang sains dan teknologi memperlihatkan tokoh-tokoh gemilang Islam seperti Ibn Sina, Al-Kindi, Al-Biruni, Al-Farabi, Al-Khawarizmi, dan lain-lain. Konsep kejayaan pada ketika itu adalah berpegang teguh pada agama Allah SWT dengan tali akidah, syariah, dan akhlak sehingga mampu mencapai tahap kegemilangan yang mampu menggemarkan dunia. Tokoh-tokoh Islam ini bukan sahaja mendalami ilmu tertentu sahaja, malah menjadi pakar rujuk dan pengasas kepada pelbagai ilmu sehingga produknya menjadi rujukan para orientalis pada ketika itu.

Apa yang diharapkan agar sekurang-kurangnya cara hidup dan pemikiran tokoh-tokoh Islam itu dapat diterapkan dalam kehidupan masyarakat Islam kini. Ini merupakan suatu tindakan wajar bagi mengelakkan umat Islam menjadi bahan penindasan musuh-musuh Islam yang tidak putus-putus melancarkan serangan secara terang-terangan mahupun secara sembunyi. Sebagai langkah berjaga-jaga, masyarakat Islam haruslah membuka minda dan menyedarkan diri daripada angan-angan yang mungkin menjerat mereka. Seharusnya mereka bertindak dengan menyediakan kelengkapan yang menjamin segala pembangunan mereka mencapai lingkungan kelas pertama. Persediaan ini meliputi aspek seperti :

1. Mempertahankan Agama Islam

Islam merupakan agama rasmi bagi negara seperti Malaysia. Tidak menjadi masalah bagi penduduk di Malaysia untuk menganutnya dengan bebas dan aman tanpa ada gangguan dan paksaan daripada kaum anti-agama Islam. Tidak bermaksud apabila telah mencapai keselesaan tanpa gangguan dan rusuhan bererti agama yang dianuti tidak perlu dipertahankan. Kesedaran haruslah dimiliki oleh setiap umat Islam bahawa dunia hari ini sentiasa mengecam Islam itu sebagai pengganas dan pelampau. Ini merupakan spekulasi yang mampu mengganggu gugat kedudukan dan kredibiliti agama Islam sebagai agama berpengaruh di dunia. Dengan memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan keyakinan yang kukuh, serta kehidupan dan cara berfikir yang menunjukkan kematangan dan ketinggian ilmu umat Islam menjadikan musuh Islam gerun melihatnya. Caranya dengan menjadikan suasana pendidikan dan ilmu sebagai kebiasaan dalam kehidupan.

2. Pembangunan Akal Dan Intelek

Ketajaman akal yang dilatih dan diasah dengan betul merupakan senjata yang boleh digunakan oleh umat Islam hari ini. Namun budaya pemikiran masyarakat Islam kini kurang ditekankan dengan budaya emikiran yang mencabar. Mereka semakin selesa dengan kehidupan dan gaya berfikir yang memudahkan dan tidak mencabar. Hal ini dikhuatiri akan memberi kesan masa hadapan umat Islam terhadap ancaman ditindas dan dihalang daripada mencapai kemajuan akibat sekatan melalui pemikiran. Oleh yang demikian, umat Islam haruslah berani menerima cabaran serta melatih pemikiran dan intelek mereka agar terbiasa dengan cabaran sebagai persediaan menuju pembangunan kelas pertama.

3. Pengumpulan Harta

Harta yang dimiliki bukanlah untuk tujuan menunjuk-nunjuk atau berbangga tetapi sebagai satu perancangan jangka panjang dan strategi dalam proses pembangunan. Realiti yang berlaku di Malaysia, setiap modal insan dan berpotensi dan berkembang pastinya diberikan ganjaran sebagai galakan untuk terus membangun.

4. Persiapan Fizikal Dan Rohani

Pembangunan akal, minda, dan intelek adalah bergantung kepada persiapan dan kecerdasan fizikal dan rohani. Ini melambangkan kesungguhan dalam membentuk pembangunan yang harmoni sehingga mencapai tahap kelas pertama.

Penutup

Tidak dapat dinafikan lagi peranan Pendidikan Islam dalam pembentukan dan pembangunan modal insan kelas pertama. Hakikatnya pembangunan berteraskan konsep yang dianjurkan dalam Islam merupakan suatu cara yang terbaik dan pendidikan sebagai saluran dalam menghasilkan modal insan kelas pertama. Melalui pendidikan itu, pelbagai cabang dapat dihasilkan melalui pembangunan modal insan dari sudut sosio-ekonomi. Perlunya kepada pendidikan pada masa kini merupakan suatu pengharapan kerana penghasilan modal insan kelas pertama melalui aspek pendidikan melonjakkan prestasi individu, masyarakat, maupun negara.

Pengakuan

Kertas kerja ini adalah dibiayai oleh Zamalah/Biasiswa Institusi di bawah tanggungan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

The work is financed by Zamalah/Institutional Scholarship provided by Universiti Teknologi Malaysia and the Ministry of Higher Education of Malaysia.

Rujukan

_____ (2009). *Kerangka Strategik Transformasi*. MAMPU : Seksyen Pembangunan Dasar, Bahagian Transformasi Sektor Awam. Halaman : 7

_____ (2006). *Buku Rasmi Tahunan Malaysia*. Jabatan Penerangan Malaysia.

Abd Rahman Ahmad (2006). Pembangunan Modal Insan : Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi Di Malaysia. Kuala Lumpur : Kee Weng Enterprise. Halaman : 12.

Buya HAMKA. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta : Pustaka Panjimas. Jilid 9

Dasar KPM Online : 6 Teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010). Teras 5 : Membangunkan Modal Insan. Halaman : 52

Kate Woodford & Guy Jackson (2003). *Cambridge Advanced Learner's Dictionary*. United Kingdom : Cambridge University Press. E-book & Application Version 1.0.

Mahmood Zuhdi Abd Majid (2007) dlm. Muhammad Hisyam Mohamad. Pembangunan Dari Perspektif Islam. Selangor : MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Yusuf Ahmad (2002). Alsaafah dan Sejarah Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya. Halaman : 31.

Selamat Hashim (t.th.) dlm. Khairul Azmi & Faizal Fadzil (t.th.). *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam : Perspektif Malaysia*. Johor Bahru : Penerbit KPPKNJ.